



## INSTITUSI PONDOK DI NEGERI TERENGGANU DAN PERANANNYA DALAM PELANCONGAN ILMU

Muhammad Khusyairi Bin Mat Zaid<sup>1\*</sup>, Wan Muhd Nazarul Amin Bin Ramli,<sup>1</sup> Muhamad Aqil Muqri bin Mohd Ferdawos<sup>1</sup>, Muhamad Syazwan Syafiq Bin Rudaini<sup>1</sup>, Muhammad Shukrie Bin Saifullah Ravi<sup>1</sup> & Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik<sup>2</sup>  
[m.kucaai96@gmail.com](mailto:m.kucaai96@gmail.com)

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>2</sup>Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin

---

### ABSTRAK

Institusi pondok merupakan sebuah institusi pembelajaran tradisi Islam yang telah mula bertapak di negeri Terengganu sejak kurun ke-19 masihi lagi. Keluar masuknya para pelajar ke pondok, hakikatnya turut menjana sektor pelancongan yang boleh dinamakan sebagai pelancongan ilmu. Ia tidak hanya melibatkan pelajar, bahkan keluarga dan saudara-mara. Isunya tidak ramai mengambil berat tentang konsep pelancongan ilmu dan sumbangan institusi pondok kepada sektor ini. **Objektif:** Justeru penulisan ini cuba menjelaskan konsep asas kepada pelancongan ilmu dalam konteks institusi pondok di negeri Terengganu. **Metodologi:** Kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif ini adalah merujuk kepada kajian kepustakaan dan temubual. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara deduktif dan induktif demi memberi kefahaman terhadap konsep pelancongan ilmu di negeri Terengganu. **Dapatan:** Kajian mendapati konsep pelancongan mahupun pemusafiran ilmu adalah sesuatu yang tidak asing dalam peradaban Islam termasuklah di negeri Terengganu. Dalam hal ini kewujudan institusi pondok sememangnya telah memberi impak yang besar kepada sektor pelancongan ilmu sejak zaman sebelum merdeka lagi hingga kini. Dalam konteks semasa kehadiran tokoh-tokoh ilmu tradisi ke negeri Terengganu ternyata telah merancakkan sektor pelancongan ilmu, khasnya yang melibatkan institusi pondok. **Kesimpulan:** Implikasi kajian awal ini menunjukkan bahawa konsep pelancongan ilmu haruslah diperkasakan lagi secara lebih holistik kerana ia secara tidak langsung akan menyemarakkan sektor pelancongan secara amnya dan menyuburkan budaya ilmu di institusi pondok.

**Kata kunci:** Pelancongan ilmu, Institusi pondok

---

### 1.0 PENDAHULUAN

Institusi pondok merupakan satu pusat pendidikan yang sememangnya tidak asing lagi di Malaysia. Ini kerana perkembangan pengajian berasaskan kitab turath sudah mula tersebar ketika kedatangan islam sejak kurun ke-19 di tanah melayu dahulu lagi. Masyarakat Islam mula berminat untuk mendalami ilmu-ilmu agama bagi mengukuhkan

kefahaman terutamanya berkaitan ilmu akidah dan ibadat.<sup>1</sup> Antara peranan pondok adalah menjadi sebuah institusi pengajian islam yang berlandaskan iman dan takwa. Institusi pondok juga menjadi teras pengajaran umat islam dahulu untuk mendalami akidah Islamiyyah atau dikenali sebagai ilmu tauhid dan usuluddin. Kebiasaannya seseorang yang berminat mempelajari bidang agama akan menyambung pelajaran ke negara timur tengah. Tetapi pengajian di pondok menjadi alternatif lain bagi mereka yang berminat mendalami agama jika tidak berkemampuan untuk ke negara timur tengah seperti Mesir, Syria, Yaman dan Jordan. Sistem pengajian ini mula memberi impak yang baik dan diterima masyarakat terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Di negeri Terengganu, terdapat beberapa pondok yang terkenal dan sering menjadi tempat untuk rehlah ilmu bagi para pencinta ilmu agama. Pihak kerajaan juga mula memainkan peranan untuk pembangunan institusi pondok mengikut prosedur, menetapkan peraturan-peraturan untuk memperkasakan sistem pondok bersesuaian dengan pendidikan moden pada zaman sekarang<sup>2</sup>. Keberkesanan institusi pondok juga memberi impak kepada kedatangan para pelancong luar yang datang bagi mendapatkan suasana dan ilmu agama islam. Kajian ini akan menfokuskan mengenai konsep pelancongan ilmu pondok di Terengganu serta peranannya terhadap kedatangan orang luar bagi rehlah ilmu di pondok tersebut. Hal ini secara tidak langsung memberi manfaat terhadap pengukuhan ekonomi institusi pondok serta kemudahannya dalam penerimaan individu yang mahu menuntut ilmu agama.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep asas kepada pelancongan ilmu dalam konteks institusi pondok di negeri Terengganu.

## **3.0 DEFINISI ISTILAH**

Antara definisi bagi istilah-istilah berikut ialah:-

---

<sup>1</sup> Masyurah Mohamad Rawi, 2015, *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup> Nur Syafawani Binti Yusoff, 2016, *Proses Pembangunan Institusi Pondok Di Kelantan*, Universiti Teknologi Malaysia.

### 3.1 Pondok

Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab *funudun* yang bererti rumah tumpangan atau tempat penginap para pengembara<sup>3</sup>. Dalam konteks pendidikan Islam, ia dikaitkan dengan rumah-rumah kecil yang didirikan sebagai tempat tinggal pelajar, berhampiran surau atau *madrasah* dan rumah tuan guru di sesebuah kawasan khas. Hal ini bersesuaian dengan ciri-ciri pusat pengajian tradisional Islam ini yang menempatkan rumah-rumah atau pondok-pondok kecil sebagai kediaman pada pelajar. Pondok-pondok kecil ini dibina secara tersusun berhampiran dengan masjid dan juga kediaman pemilik pondok atau guru. Gabungan elemen-elemen seperti rumah kecil, masjid, madrasah, kediaman guru inilah yang kemudiannya dipanggil pondok. Pemimpin atau guru di sekolah pondok pula lebih dikenali dengan panggilan tok guru<sup>4</sup>.

### 3.2 Peranan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, peranan didefinisikan sebagai sebahagian sandiwara, pekerjaan atau tugas yang dipegang. Menurut Kamus Za'ba<sup>5</sup> pula, peranan membawa maksud bahagian, pekerjaan, tugas dan sandiwara. Maksud peranan dalam konteks kertas kerja ini adalah tugas yang dipegang oleh seseorang atau sesebuah institusi.

### 3.3 Pelancongan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga<sup>6</sup>, pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat. Pelancongan juga didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Pelancongan tidak semestinya hanya untuk keseronokan dan hiburan tetapi ianya boleh merangkumi pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan lain-lain<sup>7</sup>. Dapat disimpulkan bahawa pelancongan adalah sebagai satu industri yang memberi kemudahan kepada orang ramai untuk pergi melancong

---

<sup>3</sup> Ahmad Kilani Mohamed. 2003. *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

<sup>4</sup> Mohd Izzudin Ramli dan Mohd Zaini Abu Bakar. 2013. *Kearifan tempatan dalam tradisi institusi sekolah pondok: Kajian kes Malaysia*. Persidangan Serantau Kearifan Tempatan. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

<sup>5</sup> Kamus Za'ba, 2001, Pustaka Antara Books, Kuala Lumpur.

<sup>6</sup> Noresah Bt Baharom (1997), Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka

<sup>7</sup> Chris Cooper, (1993), *Tourism Principles And Practice*, Longman Group Limited.

### **3.4 Ilmu**

Perkataan ilmu dari sudut bahasanya adalah berasal daripada perkataan arab iaitu *a'lima*, yang bererti mengetahui atau perbuatan yang bertujuan untuk mengetahui tentang sesuatu dengan sebenarnya. Sementara ilmu dari segi istilah memberi erti tentang segala pengetahuan atau kebenaran tentang sesuatu yang datang dari Allah s.w.t. yang diturunkan kepada rasul-rasulnya dan alam ciptaannya termasuk manusia yang memiliki aspek lahiriah dan batiniah.

Secara umumnya, ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian tentang sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan sesuatu yang berkait dengan ilmu tersebut.

Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa kajian kertas kerja Institusi Pondok di Negeri Terengganu dan peranannya dalam Pelancongan Ilmu adalah berkaitan tentang bagaimana institusi pondok di Terengganu ini memberi impaknya bukan sekadar untuk melahirkan ilmuwannya tetapi juga dapat meningkatkan kelangsungan pelancongan kepada negeri Terengganu dan kepada negara kita sendiri.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam usaha mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan meneliti dan menganalisis maklumat yang melibatkan data kualitatif yang terdiri daripada bahan ilmiah. Selain daripada itu, penulis juga menggunakan kaedah temubual dalam usaha mencari data. Kaedah analisis data dilakukan pengkaji pada akhir kajian bagi mencari persamaan dan perbezaan serta hubungkait bagi institusi pondok dan pelancongan ilmu di negeri Terengganu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang mana merupakan satu kajian penyelidikan kebanyakannya kajian memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi<sup>8</sup>.

### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

#### **5.1 Konsep pelancongan dalam pemusafiran ilmu**

Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai alam semula jadi yang indah dan beriklim khatulistiwa. Ramai dalam kalangan rakyat dari negara-negara lain memilih Malaysia sebagai tempat pelancongan mereka kerana negara Malaysia

---

<sup>8</sup> Azizah Hamzah, (2010), Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya, Dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia

mempunyai keindahan dan keunikannya yang tersendiri berbanding negara-negara lain. Menurut Persatuan Pelancongan Sedunia (*World Tourism Malaysia*), pelancongan adalah suatu aktiviti pengembaraan seseorang itu ke suatu tempat seperti beralih daripada tempat asalnya ke tempat yang lain untuk tujuan tertentu seperti berehat, perniagaan, mencari ilmu dan sebagainya.

Melalui pelancongan juga dapat kita kaitkan dengan permusafiran ilmu atau dengan nama lain disebut sebagai pelancongan pendidikan. Pelancongan pendidikan ialah individu yang bergerak dari persekitaran asalnya dan pergi ke tempat yang lain bertujuan untuk mencari ilmu dan menjadikan permusafiran tersebut sebagai salah satu cara mengisi masa lapang<sup>9</sup>.

Dapat kita lihat di negeri Terengganu banyak kesan permusafiran ilmu orang-orang terdahulu seperti para ulama' yang berhijrah daripada tempat asalnya ke Terengganu bertujuan untuk menuntut ilmu dan menyebarkan ilmu yang dibawa oleh mereka seperti perpindahan ulama' Patani ke Terengganu. Kedatangan ulama' Patani ke Terengganu buat kali yang pertama dapat dikesan melalui rombongan yang diketuai oleh To' Sheikh Qadhi iaitu Haji Wan Mohd Amin Wan Yaacob yang merupakan ayahanda kepada To' Sheikh Pulau Duyong.

Antara peranan mereka adalah mengajar ilmu-ilmu agama yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti Usul al-Din, Fiqh, Tasawwuf dan lain-lain. Seterusnya, ada juga dalam kalangan mereka telah membuka pusat pengajian yang dikenali sebagai pondok. Beliau lebih dikenali sebagai ilmuan Islam apabila beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu oleh Baginda Sultan Umar.

Pelantikan ini telah membuka ruang yang lebih luas untuk beliau memainkan peranannya dalam sistem pemerintahan kerajaan Terengganu dalam memartabatkan ilmu agama. Kesemua tokoh telah menjalankan tugas mereka dengan jayanya di dalam pengajian tradisional seperti pondok mahupun pengajian moden

---

<sup>9</sup> Ruzanna Syamimi, Ramli Jabil Mapjabil, Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh, New Gaik Ling, 2011, *Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.

seperti universiti. Mereka juga telah melahirkan ramai ulama' pelapis yang bakal menyebarkan ilmu agama buat masa akan datang<sup>10</sup>.

## **5.2 Kewujudan Institusi Pondok Negeri Terengganu**

Sistem pendidikan pondok ini bermula pada abad ke 14. Pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan yang diamalkan di negara-negara Timur Tengah dan telah dibawa masuk oleh pedagang Asia Barat ke Tanah Melayu. Antara tempat persinggahan bagi para pedagang ketika itu adalah di Terengganu. Di samping mereka menjalankan aktiviti perdagangan, secara tidak langsung mereka menyebarkan agama Islam serta memperkenalkan sistem pendidikan yang diamalkan di negara mereka. Akhirnya, sistem pendidikan ini berkembang begitu pesat di semenanjung Malaysia. Kelantan merupakan negeri pertama yang terkenal dengan sistem pendidikan pondok ini sehingga ia dikenali sebagai 'Serambi Mekah'.

Di Malaysia, sistem pendidikan ini lebih dikenali dalam kalangan masyarakat dengan panggilan 'Pondok'. Sukatan yang dipelajari ini di institusi pondok ini lebih menjurus kepada pengajian agama sama seperti madrasah lain yang ada di Malaysia. Kebiasaan institusi pondok di Malaysia dan Patani lebih menekankan pembelajaran tentang hukum fiqh, nahu, al-Quran dan hadis nabi secara hafalan. Institusi pondok ini kebiasanya terdapat di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Patani. Namun begitu, terdapat dua pendapat mengenai asal usul kemunculan sistem pondok ini. Pendapat pertama mengatakan ia berasal dari Sumatera manakala pendapat kedua mengatakan berasal dari Patani. Walau bagaimanapun para sarjana lebih bersetuju dengan pendapat kedua yang berasal dari Patani.

Mereka berpendapat bahawa institusi pondok ini berasal daripada Patani kerana banyak bahan rujukan, kitab dan kurikulum yang digunakan sama sesi pengajian berlangsung. Selain itu, tenaga pengajar yang ada disana didapati mendapat pendidikan dari sistem pondok yang ada di Patani. Di samping itu, menjadi kebiasaan masyarakat Melayu menghantar anak-anak mereka ke pondok di Patani. Tidak


---

<sup>10</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, 2011, *Ulama' Patani di Terengganu: Sejarah dan Peranan (Dari Tuan Hassan Besut hingga Haji Abdul Rahman Pombeng)*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

dinafikan bahawa alasan yang dikemukakan oleh mereka ini amat bertepatan dengan realiti yang berlaku ketika ini <sup>11</sup>.

### 5.3 Faktor Pelancongan (Pemusafiran) Ilmu di Institusi Pondok Negeri Terengganu

Pelancongan merupakan aktiviti berkala sesebuah keluarga atau individu yang bertujuan untuk mengisi masa lapang, mencipta pengalaman dan pengetahuan baru berdasarkan adat atau keadaan di sesuatu tempat, merehatkan minda dan mengukuhkan hubungan sesama keluarga. Aktiviti pelancongan jugak merupakan hasil pendapatan utama di sesebuah negara<sup>12</sup>. Di Malaysia terdapat pelbagai tempat yang menarik untuk dilawati. Antaranya di Terengganu merupakan tempat peranginan yang menjadi pilihan masyarakat untuk dilawati berdasarkan faktor kecantikan dan kejernihan air laut serta kehidupan laut yang dapat memukau pandangan masyarakat. Persoalannya, adakah sistem pendidikan pondok di Terengganu menjadi faktor pelancongan ilmu?



Rajah 1- Faktor pelancongan ilmu di institusi Pondok Negeri Terengganu

<sup>11</sup> Mohd Zainodin Mustafa et al., 2017, *Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut*, Terengganu Darul Iman

<sup>12</sup> Kasmaroni binti Hj Makawi, 2015, *Kajian Jangka Panjang Sektor Pelancongan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia*.

Berdasarkan rajah 1, terdapat beberapa faktor pelancongan ilmu di institusi Pondok negeri Terengganu. Berdasarkan temubual bersama Ustaz Yusri Kasmidin yang merupakan pembantu tuan guru di Pondok Bukit Jong, Kuala Terengganu, beliau sangat bersetuju bahawa pondok sangat memainkan peranan dalam pelancongan ilmu. Katanya lagi, waktu zaman kegemilangan Tokku Tuan Besar, Tokku Paloh dan Tokku Pulau Manis, ramai masyarakat yang asal dari luar negara dan negeri datang ke Terengganu untuk menuntut ilmu. Walau bagaimanapun lama kelamaan suasana tersebut semakin hilang tetapi dengan penubuhan sistem pengajian pondok dapat mengembalikan semula suasana menuntut ilmu pada zaman kegemilangan dahulu.

Selain itu, Ustaz Yusri Kasmidin menyebutkan dengan penubuhan sistem pondok di Terengganu dapat memudahkan generasi baru untuk mencari ilmu. Hal ini kerana generasi baru tidak perlu lagi bersusah payah untuk ke luar negara seperti Patani untuk mencari ilmu. Katanya lagi, dengan kehadiran ulama dari luar dan daerah bulanan bersama ulama-ulama luar yang di anjurkan oleh pondok-pondok Terengganu dapat menarik minat masyarakat sama ada di luar negeri atau negara untuk hadir ke pondok-pondok Terengganu. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi pencerahan mengenai sistem pendidikan pondok, adat dan budaya di Terengganu.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menerusi Pusat Pelancongan Islam (ITC) telah mengumumkan bahawa akan berusaha untuk memberi tumpuan kepada sistem pendidikan pondok untuk dijadikan pusat pelancongan ilmu. Antaranya dengan menganjurkan program seperti program lawatan yang dapat memupuk minat dalam menuntut ilmu seterusnya menyebarkan sistem pengajian pondok Malaysian di peringkat asia<sup>13</sup>.

Seperti yang kita sedia maklum penemuan batu bersurat di Terengganu membuktikan bahawa Terengganu merupakan antara negeri awal yang menerima ajaran Islam. Penyebaran agama Islam di Terengganu telah menarik minat masyarakat secara drastik terhadap agama Islam. Hal ini telah menyebabkan sistem pendidikan agama Islam di Terengganu telah meningkat secara pesat sehingga

---

<sup>13</sup> Rahayu Mustafa. (2019). Isnin 15 April. Sekolah pondok diangkat sebagai produk pelancongan Islam. *Sinar Harian*, h.12.



tertubuhnya sistem pendidikan pondok, kolej-kolej agama dan sistem pengajian kitab di surau dan masjid<sup>14</sup>. Penubuhan pondok di Terengganu dan penemuan batu bersurat telah menjadi perhatian dalam kalangan masyarakat serta pondok-pondok di negeri lain. Kebanyakan masyarakat serta pondok-pondok di negeri lain telah membuat lawatan di pondok-pondok Terengganu.

Kesimpulannya, sistem pendidikan pondok di Terengganu telah menjadi perhatian dalam kalangan masyarakat serta di peringkat asia. Ini membuktikan bahawa sistem pendidikan pondok di Terengganu sangat memainkan peranan dalam pelancongan. Akhir sekali, pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan, ahli ilmuan dan masyarakat yang beragama Islam haruslah berkerjasama dalam memelihara sistem pendidikan pondok agar faktor pelancongan ilmu dapat berkembang dari semasa ke semasa.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, institusi pondok yang ada di Malaysia khususnya Terengganu mempunyai peranannya yang tersendiri dalam meningkatkan industri pelancongan ilmu. Keunikannya dari sudut sistem pengajian, kurikulum, pelaksanaan dan sebagainya telah memberi kesan yang amat besar kepada masyarakat ketika dahulu dengan lahirnya para ulama yang sarjana. Bimbingan dan didikan para ulama tersebut telah mengubah kehidupan masyarakat yang jahil terhadap ilmu agama kepada masyarakat yang tahu akan hukum hakam Islam.

Kesan penubuhan institusi pondok ini telah membuka mata ramai pihak terutamanya kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan lagi sistem pengajian yang ada di pondok. Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan melihat institusi pondok ini berpotensi untuk dijadikan medan pelancongan ilmu sama ada masyarakat tempatan atau luar. Maka pihak kerajaan perlu berusaha untuk mengeluarkan beberapa suntikan dana bagi menambahbaik industri pondok ini supaya industri pelancongan ini meningkat.

Terdapat lima faktor yang menjadi tarikan pelancongan ilmu di Terengganu ini iaitu program Haul, pengajian bulanan oleh ulama besar, sistem tradisional, sistem pondok

---

<sup>14</sup> Hamdan Aziz, 2018. Kelangsungan Sistem Pengajian Pondok Tradisional Di Terengganu.

yang tertua dan kemudahan generasi baru untuk menuntut ilmu. Walaupun begitu, jika faktor yang dinyatakan ini dapat dikemaskan lagi oleh pihak yang terlibat maka tidak mustahil suatu hari nanti institusi pondok akan setaraf dengan sistem pendidikan yang sedia ada.

## Rujukan

- Ahmad Kilani Mohamed. 2003. *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Izzudin Ramli dan Mohd Zaini Abu Bakar. 2013. *Kearifan tempatan dalam tradisi institusi sekolah pondok: Kajian kes Malaysia*. Persidangan Serantau Kearifan Tempatan. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ramli Awang. 2006. *Perkembangan Institusi Pondok Di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Chris Cooper, (1993), *Tourism Principles And Practice*, Longman Group Limited.
- Noresah Bt Baharom (1997), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dr. Haji Abdullah Ishak (1999), *Islam di Nusantara*, Khususnya di Tanah Melayu, Jabatan Perdana Menteri, UM
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Berhanundin Abdullah dan Rohaizan Baru, (2015), *Peranan Ulama Dalam Kesultanan Terengganu*, Yayasan Diraja Sultan Mizan
- Azizah Hamzah, (2010), *Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya*, Dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia
- Hamdan Aziz, Hailan Salamun dan Razi Yaakob, (2018), *Kelangsungan Sistem Pengajian Pondok Tradisional Di Terengganu*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam
- Mohd Zainodin Mustaffa et al., (2017), *Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman*
- Masyurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis dan Siti Aisyah Romli, (2015), *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, (1999), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur